

Malaysia, Bahrain dijangka meterai beberapa kerjasama baharu

Manama (Bahrain): Malaysia dan Bahrain dijangka memeterai beberapa kerjasama baharu termasuk dalam teknologi kewangan Islam menjelang Mei ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menjelaskan, tumpuan kepada teknologi kewangan Islam menggunakan instrumen ‘canggih’ itu antara yang dipersetujui kedua-dua pihak.

“Selama ini kita hanya men-ciplak cadangan instrumen bank konvensional, tetapi kita harus ke hadapan, melalui penyelidikan teliti.

“Kita perlu memahami mengenai keperluan peraturan syariah dan maqasid syariah serta menjamin supaya institusi ini dapat menjadi lebih kukuh,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media Malaysia kelmarin, sebelum mengakhiri lawatan rasmi ke Bahrain atas jemputan Putera Mahkota Sheikh Salman Hamad Al Khalifa.

Anwar berkata, pemeteraian beberapa kerjasama itu dijangka dapat dilaksanakan dengan kunjungan Putera Mahkota Sheikh Salman Hamad Al Khalifa sempena Sidang Kemuncak ASEAN-GCC, Mei ini.

“Saya sempat berbual panjang dengan Putera Salman (dalam) kunjungan, mesyuarat dua hala dan diikuti majlis santapan, tetapi semua majlis ini dimanfaatkan untuk berbincang dalam bidang teknologi kewangan (fintech), industri dan pelaburan, teknologi maklumat, digitalisasi, pelancongan, kesalinghubungan, keterjaminan makanan,

tenaga dan tenaga boleh baharu serta pendidikan.

“Sebelum baginda hadir (ke Kuala Lumpur), insya-Allah dalam Mei ini kita harap beberapa kerjasama boleh dimeterai dan memberi manfaat kepada rakyat dan pelajar kita... mudah-mudahan pada Mei kita dapat tingkatkan pelaksanaannya,” katanya.

Selain teknologi kewangan Islam, Perdana Menteri berkata, kerjasama lain diberi tumpuan adalah dalam pendidikan kerana ia menjadi bidang penting bagi meningkatkan keupayaan negara dalam fintech.

“Kita bicara mengenai usaha meningkat kerjasama dalam beberapa bidang, umpamanya yang menjadi antara prasyarat untuk kita meningkatkan keupayaan dalam fintech, digital

dan peralihan tenaga.

“Maka kita putuskan soal bidang penyelidikan dan pendidikan itu perlu diberi perhatian. Ini saya percaya hal yang boleh kita laksanakan dalam masa yang singkat,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkata, Malaysia mahu mempelajari usaha dilaksanakan Lembaga Pembangunan Ekonomi Bahrain (Bahrain EDB) yang berhasil mengubah negara berkenaan menjadi pusat kewangan terkemuka.

“Selain menerima penerangan daripada Menteri Pembangunan Lestari dan Ketua Pegawai Eksekutif Bahrain EDB, Noor Binti Ali AlKhalifaif, kami berpeluang berbincang lanjut soal kerjasama baharu yang boleh diusahakan antara ke-

dua-dua negara.

“Bahrain EDB juga sedia untuk menjadi pemudah cara kepada mana-mana syarikat Malaysia untuk melabur di negara ini serta menjadi penghubung dengan negara di Timur Tengah,” katanya.

Mengenai sesi menghadap ke atas Raja Bahrain, Sheikh Hamad Isa Al Khalifa, Anwar berkata, baginda mengambil berat mengenai usaha dua hala antara Malaysia dan Bahrain yang perlu diteruskan dalam semua bidang.

“Baginda juga menyokong langkah diambil Malaysia termasuk dalam menganjur Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) serta Sidang Kemuncak ASEAN-GCC+China akhir Mei ini,” katanya.